



NEGERI PERAK

## Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

---

Jil. 57  
Bil. 13

17hb Jun 2004

TAMBAHAN  
No. 3

---

No. 722.

### SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH SELAMA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2001

Kunci Kira-kira Majlis Daerah Selama seperti pada 31 Disember 2001, penyata pendapatan dan perbelanjaan serta penyata aliran tunai bagi tahun tersebut telah diperiksa oleh Tetuan Cheng & Co., Akauntan Bertauliah, di bawah arahan saya. Pihak pengurusan Majlis Daerah Selama bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan kepada pengauditan yang dijalankan.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan Seksyen 60 Akta Kerajaan Tempatan, 1976 berpandukan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Piawaian-piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Daerah Selama adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod-rekod secara semak uji, menyemak bukti-bukti yang menyokong angka-angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.

3. Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Daerah Selama pada 31 Disember 2001, hasil operasi serta aliran tunainya untuk tahun tersebut.

4. Sijil ini hendaklah dibaca bersama-sama Laporan saya bertarikh 17 Julai 2002 yang disertakan bersama-sama ini.

Ipoh,

Bertarikh 17 Julai 2002.

t.t.

(BARIDATUL ANITA BT. BIDIN)

b.p. Ketua Audit Negara,  
Malaysia.

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH SELAMA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2001**

Penyata kewangan Majlis Daerah Selama bagi tahun berakhir 31 Disember 2001 telah diaudit mengikut Seksyen 6 Akta Audit 1957 dan Seksyen 60 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Penyata kewangan bagi tahun tersebut telah diperiksa oleh Tetuan Cheng & Co., Akauntan Bertauliah, di bawah arahan saya dan Sijil Audit bagi penyata itu disertakan bersama Laporan ini.

2. Selain daripada mengesahkan penyata kewangan tersebut, saya telah juga menganalisis prestasi kewangan dan aktiviti-aktiviti Majlis Daerah Selama. Hasil penganalisisan itu dinyatakan dalam perenggan berikut:

**Prestasi Kewangan**

3. Majlis telah mengakhiri tahun kewangan 2001 dengan mencatatkan kurangan pendapatan atas perbelanjaan sejumlah RM163,325 berbanding kurangan sejumlah RM36,152 pada tahun 2000. Kurangan ini disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan Majlis daripada RM1.99 juta pada tahun 2000 kepada RM2.54 juta pada tahun 2001 walaupun terdapat pertambahan pendapatan Majlis sejumlah RM415,619. Bagaimanapun, 70% daripada keseluruhan pendapatan Majlis adalah daripada sumbangan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Sehubungan dengan kurangan itu juga, baki Kumpulan Wang Terkumpul Majlis telah berkurang daripada RM2.48 juta pada tahun 2000 kepada RM2.30 juta.

Ipoh,

Bertarikh 17 Julai 2002.

t.t.

(BARIDATUL ANITA BT. BIDIN)

b.p. Ketua Audit Negara,  
Malaysia.

PENYATA YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH SELAMA  
PERAK DARUL RIDZUAN

Saya, Haji Kamarul Zaman bin Abdul Hamid, Yang Dipertua, Majlis Daerah Selama, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat saya, Kunci Kira-Kira, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta nota-nota adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis pada 31 Disember 2001 dan hasil operasinya dan perubahan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bertarikh 21 April 2002.

t.t.

(HAJI KAMARUL ZAMAN BIN ABDUL HAMID)  
Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Selama.

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER, 2001

Nota	2001	2000
	RM	RM
HARTA TETAP	2	8,889,207.36
KERJA DALAM PELAKSANAAN		998,374.88
HARTA SEMASA		
Pertaruhan		8,103.25
Si berhutang	3	225,277.12
Bayaran Terdahulu	4	12,072.78
Simpanan Tetap		200,000.00
Wang di Bank dan Tangan	5	896,152.51
		1,341,605.66
TOLAK:		1,593,543.78
TANGGUNGAN SEMASA		
Si piutang	6	40,650.21
Pertaruhan dan Terimaan Terdahulu	7	103,192.81
Pinjaman Jangka Pendek		50,000.00
Wang Amanah Awam		0.00
		193,843.02
		345,721.96

	Nota	2001	2000
		RM	RM
HARTA SEMASA BERSIH		1,147,762.64	1,247,821.82
		11,035,344.88	9,084,701.32
DIBIAYAI OLEH:			
Kumpulan Wang Terkumpul	8	2,302,152.63	2,479,383.63
Kumpulan Wang Pembangunan	9	208,707.41	101,567.00
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan		84,000.00	74,000.00
Pemberian Kerajaan yang Dimodalkan	10	8,390,484.84	6,329,750.69
Pinjaman Jangka Panjang	11	50,000.00	100,000.00
		11,035,344.88	9,084,701.32

t.t.

t.t.

Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Selama

Setiausaha,  
Majlis Daerah Selama

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2001

	2001	2000
	RM	RM
<b>PENDAPATAN</b>		
Cukai Taksiran Am	158,155.08	153,155.80
Carum Bantu Kadar	29,323.66	29,464.46
Lesen dan Bayaran Pendaftaran	48,802.00	38,549.35
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	23,915.67	13,627.45
Perolehan dari Jualan Barang-barang	23,251.00	7,517.10
Sewaan	321,847.50	307,395.50
Faedah dan Perolehan dari Pelaburan	23,984.19	41,967.98
Denda dan Hukuman	6,012.00	6,421.00
Terimaan yang lain	366.00	10,552.50
Terimaan daripada Agensi-agensi Kerajaan:		
Sumbangan Kerajaan Persekutuan	408,491.53	408,491.53
Sumbangan Kerajaan Negeri	450,000.00	500,000.00
Sumbangan Geran Naiktaraf Taman/ Parit dan Longkang/Landskap	689,105.00	256,694.00
Pindahan dari Pemberian Kerajaan yang Dimodalkan	189,407.77	183,205.99
	2,372,661.40	1,957,042.66

2001	2000
RM	RM

TOLAK:

## PERBELANJAAN

Gaji dan Upahan	705,402.50	687,788.02
Elaun Tetap	269,225.33	265,280.63
Sumbangan Berkanun untuk Kakitangan	124,123.78	120,847.59
Elaun Lebih Masa	50,960.25	44,738.45
Faedah Kewangan	77,547.21	40,461.07
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	18,275.44	19,860.14
Pengangkutan Barang-barang	700.00	1,174.00
Perhubungan dan Utiliti	46,703.93	47,145.98
Sewaan	1,160.00	150.00
Bekalan Bahan Mentah dan Bahan untuk Penyelenggaraan	52,931.75	58,325.12
Bekalan dan Bahan-bahan	47,901.10	29,380.60
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang dibeli	100,542.00	81,685.59
Perkhidmatan Iktisas dan Hospitaliti	53,861.54	40,251.85
Kemudahan Awam	1,960.00	
Harta Modal yang lain (Inventori)	13,103.18	10,882.00
Pemberian Dalam Negeri	5,000.00	15,000.00
Bayaran-bayaran yang lain	31,020.84	26,679.54
Susutnilai	241,535.38	246,850.08
Hapuskira	4,497.34	0.00
Pelupusan	429.62	0.00
Pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan	689,105.00	256,694.00
	2,535,986.19	1,993,194.66
LEBIHAN (KURANGAN) PENDAPATAN ATAS PERBELANJAAN	(163,324.79)	(36,152.00)

**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2001**

	2001	2000
	RM	RM
<b>TUNAI DARI KENDALIAN</b>		
Pendapatan Bersih	(163,324.79)	(36,152.00)
<b>TUNAI BERSIH DARI KENDALIAN</b>	<b>(163,324.79)</b>	<b>(36,152.00)</b>
<b>PELARASAN UNTUK:</b>		
Susutnilai	241,535.38	246,850.08
Pelarasan Tahun lalu	621.00	(1,687.07)
Sumbangan Kerajaan ke Kumpulan Wang Pembangunan	689,105.00	256,694.00
Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan	(586,491.80)	(361,328.00)
Pemberian Kerajaan	2,667,102.05	1,339,132.37
Pindahan dari Pemberian Kerajaan yang dimodalkan	(189,407.77)	(183,205.99)
	2,822,463.86	1,296,455.39
Lebihan Kendalian Sebelum Perubahan Modal Kerja	2,659,139.07	1,260,303.39
Tambahan/(Kurangan) Si berhutang	(3,049.61)	(49,830.19)
Tambahan/(Kurangan) Si piutang	(151,878.94)	139,631.07
	(154,928.55)	89,800.88
<b>TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI OPERASI</b>	<b>2,504,210.52</b>	<b>1,350,104.27</b>
<b>TUNAI DARI PELABURAN</b>		
Tambahan/(Kurangan) Aset Tetap	(1,710,823.37)	(709,764.17)
Tambahan/(Kurangan) Kerja Dalam Pelaksanaan	(998,374.88)	(970,634.20)
<b>TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI PELABURAN</b>	<b>(2,709,198.25)</b>	<b>(1,680,398.37)</b>

	2001 RM	2000 RM
<b>TUNAI DARI PEMBIAYAAN</b>		
Pinjaman Kerajaan Negeri	(50,000.00)	(50,000.00)
Pinjaman Kerajaan Persekutuan	0.00	0.00
<b>TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>	0.00	0.00
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
Pengurangan bersih dalam tunai dan tunai yang bersamaan	(254,987.73)	(380,294.10)
<b>Tunai dan tunai yang bersamaan yang di bawa ke hadapan</b>	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
Tunai dan tunai yang bersamaan yang dihantar ke hadapan	1,351,140.24	1,731,434.34
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
	1,096,152.51	1,351,140.24

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN — 31 DISEMBER 2001****1. DASAR-DASAR PERAKAUNAN****1.1 ASAS-ASAS PERAKAUNAN**

1.1.1 Penyata Kewangan ini disediakan menurut konvensyen kos sejarah.

**1.1.2 Pengiktirafan Pendapatan****i. Hasil Kendalian/Operasi**

Hasil daripada kendalian/operasi seperti cukai taksiran am, sewaan dan faedah akan diiktiraf sebagai pendapatan di dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan. Manakala hasil kendalian/operasi selain daripada yang tersebut di atas seperti sewa padang dan gelanggang, sewa dewan, sewa peralatan, sewa perabot dan faedah simpanan tetap sistem perbankan secara Islam diambilkira berdasarkan asas tunai.

**ii. Terimaan Bukan Hasil**

Pendapatan-pendapatan lain seperti bantuan dan sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan atau lain-lain pendapatan yang berkelaziman atau di bawah kehendak mana-mana Akta dan arahan akan diiktirafkan secara akruan di mana perlu.

**1.1.3 Pengiktirafan Perbelanjaan**

Perbelanjaan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan.

**1.2 SUSUTNILAI**

1.2.1 Susutnilai adalah diperuntukan dan dikira berdasarkan kaedah garis lurus. Peruntukan amaun susutnilai bagi sesuatu aset adalah jumlah yang boleh disusutnilaikan daripada aset tersebut bagi tempoh hayat boleh guna yang dijangkakan.

### Pengiktirafan Susutnilai

- i. Pengiktirafan susutnilai atas harta dilakukan hanya bagi pembelian harta sebelum atau pada 30hb Jun setiap tahun dengan mengambilkira peruntukan untuk setahun tanpa mengambilkira bulan dibeli.
- ii. Tiada peruntukan susutnilai dibuat ke atas tanah milik bebas.

1.2.2 Kadar-kadar tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

Bangunan	2% setahun
Gerai	5% setahun
Kenderaan	20% setahun
Peralatan	20% setahun
Kelengkapan Pejabat	20% setahun

Tanah Pajakan – Kaedah Perlunasan mengikut tempoh pajakan.

### 1.3 CARUM BANTU KADAR

Pemberian Carum Bantu Kadar adalah berdasarkan kepada caruman/pemberian yang diluluskan sama ada oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan lain-lain pihak yang terlibat dan direalisasikan sebagai pendapatan mengikut tahun tuntutan.

### 1.4 GERAN KERAJAAN

1.4.1 Geran Kerajaan berkaitan dengan harta tetap adalah diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan mengikut anggaran jangka hayat tersebut (Pendapatan ditundukan mengikut amanu susutnilai tahunan) dan dipersembahkan dalam Kunci Kira-kira sebagai Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan.

1.4.2 Geran-geran Kerajaan yang diterima selain daripada geran yang berkaitan dengan Harta Tetap diiktiraf sebagai pendapatan dalam tahun diterima tanpa wujudnya tunggakan penerimaan Geran Kerajaan di dalam Penyata Kewangan semasa.

### 1.5 KERJA DALAM PELAKSANAAN

Kerja dalam pelaksanaan dinyatakan pada nilai kos mengikut kaedah siap dilaksanakan.

### 1.6 PINJAMAN

Pinjaman yang diperolehi daripada mana-mana Kerajaan, Agensi dan lain-lain pihak diperakaunkan berdasarkan syarat-syarat yang dipersetujui bersama dan dinyatakan di Kunci Kira-kira sebagai Pinjaman Jangka Panjang. Jumlah bayaran balik pula sebagai Pinjaman Jangka Pendek yang akan mengurangkan jumlah Pinjaman Jangka Panjang mengikut jumlah yang sama.

### 1.7 PENGIKTIRAFAN ASET TETAP

Harta diiktiraf sebagai aset tetap pada nilai RM500.00 ke atas.

### 1.8 PELUPUSAN

Pelupusan atas penjualan aset tetap dari pemberian kerajaan yang dimodalkan diiktiraf sebagai Pendapatan.

### 1.9 KEMUDAHAN AWAM

Kemudahan awam yang berkaitan dengan kepentingan awam tidak diiktirafkan sebagai Harta Tetap.

## 2. HARTA TETAP

	2001	Tanah	Bangunan	Gerai	Kenderaan	Peralatan	Perabot dan Kelengkapan Pejabat	Jumlah
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
<b>Kos Asal/Nilaian</b>								
Baki Awal Tahun	607,179.60	6,131,327.12	1,135,096.00	851,656.17	104,228.50	408,848.98	9,238,336.37	
Pelarasan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Tambahan	16,499.00	1,625,112.00	494,223.88	139,800.00	0.00	21,170.00	2,296,804.88	
Pelupusan	0.00	(130,482.50)	(20,800.00)	(101,639.71)	(29,815.00)	(60,541.98)	(343,279.19)	
Baki Akhir Tahun	623,678.60	7,625,956.62	1,608,519.88	889,816.46	74,413.50	369,477.00	11,191,862.06	
<b>Susutnilai Terkumpul</b>								
Baki Awal Tahun	20,213.17	666,965.88	453,284.15	841,637.17	81,070.50	308,920.20	2,372,091.07	
Pelarasan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Susutnilai Semasa	6,299.76	119,120.52	55,714.80	9,999.00	4,537.00	45,864.30	241,535.38	
Pelupusan	0.00	(109,883.44)	(17,440.00)	(101,636.71)	(24,462.00)	(57,549.60)	(310,971.75)	
Baki Akhir Tahun	26,512.93	676,202.96	491,558.95	749,999.46	61,145.50	297,234.90	2,302,654.70	
Nilai Buku Bersih	597,165.67	6,949,753.66	1,116,960.93	139,817.00	13,268.00	72,242.10	8,889,207.36	

## 2. HARTA TETAP—(Samb.)

	2000	Tanah	Bangunan	Gerai	Kenderaan	Peralatan	Perabot dan Kelenkapan Pejabat	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
<b>Kos Asal/Nilaiian</b>								
Baki Awal Tahun	607,179.60	5,634,038.95	935,122.50	851,656.17	80,133.50	424,781.46	8,532,912.18	
Pelarasan	0.00	14,350.00	0.00	0.00	0.00	0.00	14,350.00	
Tambahahan	0.00	490,911.17	199,973.50	0.00	28,060.00	39,138.00	758,082.67	
Pelupusan	0.00	(7,973.00)	0.00	0.00	(3,965.00)	(55,070.48)	(67,008.48)	
Baki Akhir Tahun	607,179.60	6,131,327.12	1,135,096.00	851,656.17	104,228.50	408,848.98	9,238,336.37	
<b>Susutnilai Terkumpul</b>								
Baki Awal Tahun	14,080.07	540,058.07	406,528.03	831,639.17	77,911.50	314,190.33	2,184,407.17	
Pelarasan	0.00	5,166.00	0.00	(2.00)	0.00	(3.00)	5,161.00	
Susutnilai Semasa	6,133.10	128,917.51	46,756.12	10,000.00	6,512.00	48,531.35	246,850.08	
Pelupusan	0.00	(7,175.70)	0.00	0.00	(3,353.00)	(53,798.48)	(64,327.18)	
Baki Akhir Tahun	20,213.17	666,965.88	453,284.15	841,637.17	81,070.50	308,920.20	2,372,091.07	
Nilai Buku Bersih	586,966.43	5,464,361.24	681,811.85	10,019.00	23,158.00	99,928.78	6,866,245.30	

	2001	2000
	RM	RM
<b>3. SI BERHUTANG</b>		
Cukai Taksiran Am	88,051.39	91,575.19
Carum Bantu Kadar	516.56	0.00
Sewaan	53,172.00	54,800.00
Faedah	245.48	4,363.73
Notis E	10,648.00	10,758.00
Pinjaman Kenderaan	72,643.69	64,875.72
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
	225,277.12	226,372.64
<b>4. PERTARUHAN DAN BAYARAN TERDAHULU</b>		
Pertaruhan Dibayar	8,103.25	8,103.25
Insurans Premium	6,883.58	4,968.95
Lesen Memandu	62.50	62.50
Pendahuluan Air Penyewa	5,126.70	2,896.20
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
	20,176.03	16,030.90
<b>5. WANG DI BANK DAN DI TANGAN</b>		
Simpanan Tetap	200,000.00	850,000.00
Akaun Semasa	583,938.37	287,411.02
Akaun Wang Pertaruhan	102,575.47	91,091.43
Akaun Wang Perkhidmatan Kemajuan	208,972.57	121,733.94
Panjar Wang Runcit	500.00	500.00
Mesin Franking	166.10	403.85
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
	1,096,152.51	1,351,140.24
<b>6. SI PIUTANG</b>		
Pelbagai Si piutang	34,920.21	204,652.36
Peruntukan Bayaran Audit	5,700.00	5,700.00
Cek Tidak Dituntut	30.00	46.20
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
	40,650.21	210,398.56

2001	2000
RM	RM

**7. PERTARUHAN DAN TERIMAAN TERDAHULU**

Pertaruhan:

Wang Pertaruhan Diterima	102,449.71	76,466.00
Wang Pertaruhan Air	0.00	300.00

Terimaan Terdahulu:

Cukai Taksiran Am	703.10	517.40
Sewaan	40.00	40.00
	<hr style="border-top: 1px solid black;"/>	<hr style="border-top: 1px solid black;"/>
	103,192.81	77,323.40

**8. KUMPULAN WANG TERKUMPUL**

Lebihan/(Kurangan) Pendapatan atas Perbelanjaan bagi tahun:	(163,324.79)	(36,152.00)
Baki Awal Tahun Seperti Yang Dilaporkan Dahulu	2,479,383.63	2,527,222.20
Pelarasan Tahun Lepas	621.00	(1,686.57)
Pindahan ke Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	(10,000.00)	(10,000.00)
Pinjaman ke Kumpulan Wang Pembangunan	(4,527.21)	0.00
Baki Selepas Pelarasan	<hr style="border-top: 1px solid black;"/>	<hr style="border-top: 1px solid black;"/>
Baki Pada Akhir Tahun	2,302,152.63	2,479,383.63

**9. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN**

Baki Awal Tahun Seperti Yang Dilaporkan Dahulu	101,567.00	206,200.50
Pelarasan Tahun Lepas	0.00	0.50
Pindahan dari Kumpulan Wang Terkumpul	4,527.21	0.00
Baki Selepas Pelarasan	<hr style="border-top: 1px solid black;"/>	<hr style="border-top: 1px solid black;"/>
Pindahan dari Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	689,105.00	256,694.00
Perbelanjaan Dalam Tahun	(586,491.80)	(361,328.00)
Baki Pada Akhir Tahun	<hr style="border-top: 1px solid black;"/>	<hr style="border-top: 1px solid black;"/>

## 10. PEMBERIAN KERAJAAN YANG DIMODALKAN

Ini merupakan Geran Kerajaan berkaitan dengan Harta-harta Tetap tahun 2001.

Jenis Harta 2001	Baki Pada 1-1-2001	Pelarasan Awal Tahun	Tambahan/ (Pelupusan)	Jumlah Peruntukan Kepada Pendapatan Jangkamasa	Baki Pada 31-12-2001
	RM	RM	RM	RM	RM
Bangunan	4,928,194.49	0.00	1,307,864.00 (20,443.64)	107,309.44	6,108,305.41
Kerja Dalam Pelaksanaan	670,624.20	0.00	745,374.88 (417,624.20)	0.00	998,374.88
Gerai	668,389.40	0.00	494,223.88 (3,360.00)	54,699.53	1,104,553.75
Kenderaan	15.00	0.00	139,800.00 (3.00)	0.00	139,812.00
Peralatan	16,471.00	0.00	0.00 (553.00)	3,972.00	11,946.00
Perabot dan Kelengkapan Pejabat	46,056.60	0.00	4,900.00 (37.00)	23,426.80	27,492.80
	6,329,750.69	0.00	2,250,141.92	189,407.77	8,390,484.84

Jenis Harta 2000	Baki Pada 1-1-2000	Pelarasan Awal Tahun	Tambahan/ (Pelupusan)	Jumlah Peruntukan Kepada Pendapatan Jangkamasa	Baki Pada 31-12-2000
	RM	RM	RM	RM	RM
Bangunan	4,539,008.96	9,184.00	490,911.17 (797.30)	110,112.34	4,928,194.49
Kerja Dalam Pelaksanaan	400,000.00		(400,000.00) 670,624.20	0.00 0.00	670,624.20
Gerai	514,156.75		199,973.50	45,740.85	668,389.40
Kenderaan	14.00	1.00	0.00	0.00	15.00
Peralatan	1,076.00		19,860.00 (19.00)	4,446.00	16,471.00
Perabot dan Kelengkapan Pejabat	64,743.40	3.00	4,950.00 (733.00)	22,906.80	46,056.60
	5,518,999.11	9,188.00	984,769.57	183,205.99	6,329,750.69

	2001 RM	2000 RM
<b>11. PINJAMAN</b>		
Pinjaman Gaji SSB		
Ansuran-ansuran yang kena dibayar dalam tempoh 12 bulan	50,000.00	50,000.00
Ansuran-ansuran yang kena dibayar selepas 12 bulan	50,000.00	100,000.00
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
	100,000.00	150,000.00
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>

Pinjaman ini akan dibayar balik mulai 26-12-1999. Faedah tidak dikenakan atas pinjaman ini.

## 12. PENGLIBATAN MODAL

Dikontrakkan tetapi tidak dimasukkan ke dalam akaun	167,250.00	203,000.00
---	------------	------------

### No. 723.

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI  
彭年报告书  
彭年报告书  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2001**

Saya telah mengaudit Kunci Kira-kira Majlis Daerah Lenggong seperti pada 31 Disember 2001, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun tersebut. Pihak pengurusan Majlis Daerah Lenggong bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah untuk memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut berdasarkan kepada pengauditan yang dijalankan.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan Seksyen 60 Akta Kerajaan Tempatan, 1976 berpandukan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Piawaian-piawaian tersebut mengkehendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Daerah Lenggong adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod-rekod secara semak uji, menyemak bukti-buktii yang menyokong angka-angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian Penyata Kewangan secara keseluruhan.

3. Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Daerah Lenggong pada 31 Disember 2001, hasil operasi serta aliran tunainya untuk tahun tersebut.

4. Sijil ini hendaklah dibaca bersama-sama Laporan saya bertarikh 15 November 2002 yang disertakan bersama-sama ini.

Ipooh,

Bertarikh 15 November 2002.

t.t.

(BARIDATUL ANITA BT. BIDIN)  
b.p. Ketua Audit Negara,  
Malaysia.

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH LENGGONG  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2001**

Penyata kewangan Majlis Daerah Lenggong bagi tahun berakhir 31 Disember 2001 telah diaudit mengikut Seksyen 6 Akta Audit 1957 dan Seksyen 60 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

2. Selain daripada mengesahkan Penyata Kewangan tersebut, saya telah juga menganalisis prestasi kewangan dan aktiviti-aktiviti Majlis Daerah Lenggong. Hasil penganalisisan itu dinyatakan dalam perenggan yang berikut:

**Prestasi Kewangan**

3. Majlis telah mengakhiri tahun kewangannya dengan mencatatkan kurangan sejumlah RM89,525 berbanding dengan lebihan sejumlah RM1,052 pada tahun 2000. Kurangan ini disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan daripada RM1.27 juta pada tahun 2000 kepada RM1.66 juta pada tahun 2001 walaupun terdapat pertambahan pendapatan Majlis sejumlah RM297,846. Peningkatan pendapatan disebabkan oleh peningkatan hasil sewaan dan pertambahan terimaan dari agensi-agensi kerajaan. Dengan kedudukan itu, baki Kumpulan Wang Terkumpul Majlis telah berkurang daripada RM157,201 pada tahun 2000 menjadi sejumlah RM61,946 pada tahun 2001.

Ipooh,

Bertarikh 15 November 2002.

t.t.

(BARIDATUL ANITA BT. BIDIN)  
b.p. Ketua Audit Negara,  
Malaysia.

**LAPORAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH LENGGONG**

Saya, Mohamad Izani b. Ab. Ghafar, Yang Dipertua, Majlis Daerah Lenggong, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat saya, Kunci Kira-Kira, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta nota-nota adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Daerah Lenggong pada 31 Disember 2001 dan hasil operasinya dan perubahan kedudukan kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bertarikh 15 November 2002.

t.t.

(MOHAMAD IZANI B. AB. GHAFAR)

Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Lenggong,  
Perak Darul Ridzuan.

**KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2001**

	Nota	2001	2000
		RM	RM
HARTA TETAP	2	3,490,397.38	3,500,513.29
KERJA DALAM PELAKSANAAN		1,209,258.21	441,275.98
HARTA SEMASA			
Si berhutang	3	130,813.71	150,624.08
Pendahuluan Pinjaman		66,568.13	57,032.53
Wang Pertaruhan dan Bayaran Terdahulu		3,132.90	3,164.00
Simpanan Tetap		350,000.00	500,000.00
Wang di Tangan dan di Bank		283,731.91	113,758.19
JUMLAH		834,246.65	824,578.80

Nota	2001	2000
	RM	RM

**TOLAK****TANGGUNGAN SEMASA**

Si piutang	4	372,478.84	454,945.16
Pertaruhan dan Terimaan Terdahulu	5	25,304.05	16,785.67
Wang Amanah Awam		30,388.98	26,103.25
Pinjaman Jangka Pendek		60,000.00	60,000.00
<b>JUMLAH</b>		<b>488,171.87</b>	<b>557,834.08</b>
<b>HARTA SEMASA BERSIH</b>		<b>346,074.78</b>	<b>266,744.72</b>
<b>JUMLAH HARTA</b>		<b>5,045,730.37</b>	<b>4,208,533.99</b>

**DIBIAYAI OLEH:**

Kumpulan Wang Terkumpul	6	61,946.22	157,200.52
Kumpulan Wang Pinjaman		130,000.00	130,000.00
Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	7	4,482,271.51	3,707,985.43
Kumpulan Wang Pembangunan	9	311,512.64	93,348.04
Pinjaman	8	60,000.00	120,000.00
<b>JUMLAH</b>		<b>5,045,730.37</b>	<b>4,208,533.99</b>

Disahkan Oleh:

t.t.  
 (MOHAMAD IZANI B. AB. GHAFAR)  
 Yang Dipertua,  
 Majlis Daerah Lenggong  
 Perak Darul Ridzuan

t.t.  
 (ISMAIL BIN IBRAHIM)  
 Setiausaha,  
 Majlis Daerah Lenggong  
 Perak Darul Ridzuan

**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2001**

PENDAPATAN	2001 RM	2000 RM
Cukai Taksiran Am	130,461.35	130,352.40
Carum Bantu Kadar	15,714.60	16,482.60
Lesen dan Bayaran Pendaftaran	63,364.25	29,691.50
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	34,031.18	69,489.35
Perolehan dari Jualan Barang-barang	5,317.00	1,842.00
Sewaan	218,837.00	161,308.40
Faedah dan Perolehan dari Pelaburan	13,488.83	23,003.56
Denda dan Hukuman	465.00	416.00
Terimaan dari Agensi-agensi Kerajaan	937,826.00	715,000.00
Pindahan dari Pemberian Kerajaan	149,759.36	123,182.85
Yang Dimodalkan	—	649.43
Pindahan Si piutang kepada Hasil	1,569,264.57	1,271,418.09
 <b>TOLAK:</b>		
 <b>PERBELANJAAN</b>		
Emolumen	911,866.42	878,973.94
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	14,715.57	21,804.88
Pengangkutan Barang-barang	2,783.06	506.50
Perhubungan dan Utiliti	46,586.33	41,982.14
Bekalan Bahan Mentah untuk	25,005.15	26,117.59
Penyelenggaraan dan Pembaikan	54,378.65	46,874.40
Bekalan dan Bahan-bahan	50,388.14	31,644.64
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	43,139.44	50,926.90
Yang Dibeli		
Perkhidmatan dan Ikhtisas dan Perkhidmatan		
lain yang dibeli dan Hospitaliti		
Harta Modal Yang Lain	187.50	
Pemberian Dalam Negeri	7,000.00	8,937.00
Bayaran-bayaran Lain	9,538.47	11,502.59
Susutnilai	191,322.55	146,968.51
Perbelanjaan Pembangunan	272,826.00	3,940.00
Pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan	29,239.46	
Hapuskira		
 <b>LEBIHAN/(KURANGAN)</b>		
<b>PENDAPATAN ATAS</b>		
<b>PERBELANJAAN</b>		
	1,658,789.24	1,270,366.59
	(89,524.67)	1,051.50

**PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2001**

	2001	2000
	RM	RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA OPERASI</b>		
Penerimaan Tunai dari Operasi	1,434,744.18	1,156,956.79
Pembayaran Tunai dari Operasi	(1,280,606.98)	(1,577,964.46)
<b>TUNAI BERSIH DARI KENDALIAN</b>	<hr/>	<hr/>
Faedah Diterima	154,137.20	(421,007.67)
Tunai Bersih Diperolehi daripada Operasi	13,488.83	23,003.56
	<hr/>	<hr/>
<b>167,626.03</b>	<b>(398,004.11)</b>	
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>		
Pembelian Aset Tetap	(138,116.43)	(5,622.60)
Penerimaan Tunai dari Pendahuluan Pinjaman	26,464.12	32,322.52
Pembayaran Tunai dari Pendahuluan Pinjaman	(36,000.00)	(32,000.00)
Tunai Bersih Diperolehi Daripada Aktiviti Pelaburan	(147,652.31)	(5,300.08)
	<hr/>	<hr/>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		
Pinjaman Kerajaan Negeri	<hr/>	<hr/>
Tunai Bersih Diperolehi daripada Aktiviti Pembiayaan	0.00	0.00
	<hr/>	<hr/>
<b>PERTAMBAHAN/(PENGURANGAN) BERSIH TUNAI DAN SETARANYA</b>	19,973.72	(403,304.19)
Baki Awal Tahun	<hr/>	<hr/>
Baki Akhir Tahun	613,758.19	1,017,062.38
	<hr/>	<hr/>
<b>633,731.91</b>	<b>613,758.19</b>	
<b>TUNAI DAN SETARANYA</b>		
Simpanan Tetap	350,000.00	500,000.00
Tunai di Tangan dan di Bank	283,731.91	113,758.19
	<hr/>	<hr/>
<b>633,731.91</b>	<b>613,758.19</b>	
	<hr/>	<hr/>

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN BAGI TAHUN  
BERAKHIR 31 DISEMBER 2001**

**1. DASAR-DASAR PERAKAUNAN**

**1.1 ASAS-ASAS PERAKAUNAN**

1.1.1 Penyata Kewangan ini disediakan menurut konvensyen kos sejarah.

**1.1.2 Pengiktirafan Pendapatan**

i. Hasil Kendalian/Operasi

Hasil daripada kendalian/operasi seperti cukai taksiran am, sewaan dan faedah akan diiktiraf sebagai pendapatan di dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan kecuali sewa dewan dan peralatan. Manakala hasil kendalian/operasi selain daripada yang tersebut di atas diiktiraf berdasarkan tunai.

ii. Terimaan Bukan Hasil

Pendapatan-pendapatan lain seperti bantuan dan sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan atau lain-lain pendapatan yang berkelaziman atau di bawah kehendak mana-mana Akta dan arahan akan diiktirafkan secara akruan di mana perlu.

**1.1.3 Pengiktirafan Perbelanjaan**

Perbelanjaan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan.

**1.2 SUSUTNILAI**

1.2.1 Susutnilai adalah diperuntukan dan dikira berdasarkan kaedah garis lurus. Peruntukan amaun susutnilai bagi sesuatu aset adalah jumlah yang boleh disusutnilaikan daripada aset tersebut bagi tempoh hayat boleh guna yang dijangkakan.

**Pengiktirafan Susutnilai**

i. Pengiktirafan susutnilai atas harta dilakukan hanya bagi pembelian harta sebelum atau pada 30 Jun setiap tahun dengan mengambil kira peruntukan susutnilai untuk setahun tanpa mengambil kira bulan dibeli.

**1.2.2 Kadar-kadar tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:**

Bangunan Kekal	2%
Kenderaan	20%
Mesin-mesin dan Loji	20%
Gerai	2% – 10%
Kelengkapan Pejabat	10% – 20%
Peralatan	10% – 20%

### 1.3 CARUMAN BANTUAN KADAR

Pemberian Caruman Bantuan Kadar adalah berdasarkan kepada Caruman/pemberian yang diluluskan sama ada oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan lain-lain pihak yang terlibat dan direalisasikan sebagai pendapatan mengikut tahun tuntutan.

### 1.4 GERAN KERAJAAN

1.4.1 Geran Kerajaan yang berkaitan dengan harta tetap adalah diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan mengikut anggaran jangkahayat harta tersebut (Pendapatan ditundukan mengikut amaun susutnilai tahunan) dan dipersembahkan dalam Kunci Kira-kira sebagai Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan.

1.4.2 Geran-geran Kerajaan yang diterima selain daripada Geran yang berkaitan dengan Harta Tetap diiktiraf sebagai pendapatan dalam tahun diterima tanpa wujudnya tunggakan penerimaan Geran Kerajaan di dalam Penyata Kewangan semasa.

### 1.5 KERJA DALAM PELAKSANAAN

Kerja dalam pelaksanaan dinyatakan pada nilai kos mengikut kaedah siap dilaksanakan.

### 1.6 PINJAMAN

Pinjaman yang diperolehi daripada mana-mana Kerajaan, Agensi dan lain-lain pihak diperakaunkan berdasarkan syarat-syarat yang dipersetujui bersama dan dinyatakan di dalam Kunci Kira-kira sebagai Pinjaman Jangka Panjang. Jumlah bayaran balik pula dinyatakan sebagai Pinjaman Jangka Pendek yang akan mengurangkan jumlah Pinjaman Jangka Panjang mengikut jumlah yang sama.

### 1.7 PENGIKTIRAFAN HARTA TETAP

Harta diiktiraf sebagai harta tetap pada nilai RM500.00 ke atas mulai 1 Januari 1997 tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan 2/91.

### 1.8 KEMUDAHAN AWAM

Kemudahan Awam yang berkaitan dengan kepentingan awam tidak diiktiraf sebagai harta tetap.

## 2. HARTA TETAP

	2001	Tanah	Bangunan	Kenderaan	Peralatan	Perabot dan Kelengkapan Pejabat		Jumlah
						RM	RM	
<b>Kos Asal/Nilaian</b>								
Baki Awal Tahun	221,178.97	3,712,645.27	1,020,492.03	87,901.50	604,490.80	5,646,708.57		
Tambahan	0.00	103,169.00	54,991.64	0.00	28,906.00	187,066.64		
(Pelupusan)	0.00	26,700.00	83,288.19	—	8,730.00	118,718.19		
Baki Akhir Tahun	221,178.97	3,789,114.27	992,195.48	87,901.50	624,666.80	5,715,057.02		
<b>Susutnilai Tertimbun</b>								
Baki Awal Tahun	0.00	894,869.42	784,752.16	71,244.50	395,329.20	2,146,195.28		
Susutnilai Semasa	0.00	78,470.95	56,917.79	8,092.00	47,841.81	191,322.55		
(Pelupusan)	0.00	26,692.00	83,286.19	—	2,880.00	112,858.19		
Baki Akhir Tahun	—	946,648.37	758,383.76	79,336.50	440,291.01	2,224,659.64		
Nilai Buku Bersih	221,178.97	2,842,465.90	233,811.72	8,565.00	184,375.79	3,490,397.38		

	Tanah	Bangunan	Kenderaan	Peralatan	Perabot dan Kelengkapan Pejabat	Jumlah
2000	RM	RM	RM	RM	RM	RM
<b>Kos Asal/Nilai'an</b>						
Baki Awal Tahun	221,178.97	2,730,710.26	796,989.43	77,271.50	572,832.80	4,398,982.96
Tambahan	0.00	981,935.01	223,502.60	10,630.00	31,658.00	1,247,725.61
(Pelupusan)	0.00	—	0.00	—	—	—
Baki Akhir Tahun	221,178.97	3,712,645.27	1,020,492.03	87,901.50	604,490.80	5,646,708.57
<b>Susutnilai Tertimbun</b>						
Baki Awal Tahun	0.00	822,358.97	762,724.91	63,611.50	350,531.39	1,999,226.77
Susutnilai Semasa	0.00	72,510.45	22,027.25	7,633.00	44,797.81	146,968.51
(Pelupusan)	0.00	—	0.00	—	—	—
Baki Akhir Tahun	0.00	894,869.42	784,752.16	71,244.50	395,329.20	2,146,195.28
Nilai Buku Bersih	221,178.97	2,817,775.85	235,739.87	16,657.00	209,161.60	3,500,513.29

2001	2000
RM	RM

## 3. SI BERHUTANG

Cukai Taksiran	107,617.21	102,435.11
Carum Bantu Kadar	768.00	1,152.00
Perkhidmatan dan Terimaan	–	26,644.46
Perkhidmatan		
Sewaan	21,396.00	16,656.00
Telefon	–	109.01
Kompaun	–	2,595.00
Faedah	–	–
Kumpulan Wang Perkhidmatan		
Kemajuan	1,032.50	1,032.50
Jumlah	130,813.71	150,624.08

## 4. SI PIUTANG

Kutipan Bekalan Air	270,331.45	270,331.45
Pelbagai Si piutang	102,147.39	184,613.71
	372,478.84	454,945.16

## 5. PERTARUHAN DAN TERIMAAN TERDAHULU

Wang Pertaruhan	24,420.00	16,210.00
<i>Terimaan Terdahulu</i>		
Cukai Taksiran Am	884.05	575.67

## 6. KUMPULAN WANG TERKUMPUL

Lebihan/(Kekurangan) Pendapatan atas Perbelanjaan bagi tahun	(89,524.67)	1,051.50
Baki awal tahun seperti yang dilaporkan dahulu	157,200.52	156,675.69
Pelarasan tahun-tahun lepas	(5,729.63)	(526.67)
	151,470.89	156,149.02
Pindahan kepada Kumpulan Wang Pinjaman Komputer		
Baki pada akhir tahun	61,946.22	157,200.52

## 7. PEMBERIAN KERAJAAN YANG DIMODALKAN

Ini merupakan Geran Kerajaan berkaitan dengan harta-harta tetap.

	2001	Baki Pada	Tambahan	Diperuntukan	Baki Pada
		1 Januari 2001	Bagi Tahun/ Pelupusan/ (Pemindahan)	Kepada Pendapatan Bagi Tahun 2001	
		RM	RM	RM	RM
Tanah	155,500.00	—	—	—	155,500.00
Bangunan	2,810,477.85	103,169.00	78,278.95	8.00	2,835,359.90
Kenderaan	146,272.00	52,904.21	38,850.40	2.00	160,323.81
Peralatan	16,656.00	—	8,092.00	—	8,564.00
Perabot dan Keleng- kapan Pejabat	137,803.60	—	24,538.01	—	113,265.59
Kerja Dalam Per- laksanaan	441,275.98	767,982.23	—	—	1,209,258.21
Jumlah	3,707,985.43	924,055.44	149,759.36	10.00	4,482,271.51

	2000	Baki Pada	Tambahan	Diperuntukan	Baki Pada
		1 Januari 2000	Bagi Tahun/ Pelupusan/ (Pemindahan)	Kepada Pendapatan Bagi Tahun 2000	
		RM	RM	RM	RM
Tanah	155,500.00	—	—	—	155,500.00
Bangunan	1,900,861.29	981,935.01	72,318.45	—	2,810,477.85
Kenderaan	31,052.19	134,257.00	19,037.19	—	146,272.00
Peralatan	13,420.00	10,630.00	7,394.00	—	16,656.00
Perabot dan Keleng- kapan Pejabat	162,236.81	—	24,433.21	—	137,803.60
Kerja Dalam Per- laksanaan	556,095.69	185,180.29 (300,000.00)	—	—	441,275.98
Jumlah	2,819,165.98	1,012,002.30 10,630.00	123,182.85	—	3,707,985.43

2001	2000
RM	RM

#### 8. PINJAMAN

Pinjaman Pelarasan Sistem Saraan Baru

Jumlah yang kena bayar dalam masa setahun

60,000.00	60,000.00
60,000.00	120,000.00
120,000.00	180,000.00

Ansuran yang kena bayar selepas setahun

Jumlah keseluruhan pinjaman

Pinjaman sebanyak RM300,000.00 telah diterima daripada Kerajaan Negeri Perak pada 27hb. Disember, 1996. Tujuan pinjaman ini adalah untuk membayar tunggakan gaji di bawah Sistem Saraan Baru. Bayaran balik bermula pada 26hb. Disember 1999 iaitu sebanyak RM60,000.00 setahun selama 5 tahun.

#### 9. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

Baki Awal Tahun

93,348.04	460,562.83
–	11,510.67
272,826.00	–
54,661.40	378,725.46
311,512.64	93,348.04

Pelarasan tahun lepas

Pindahan dari Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

Perbelanjaan dalam tahun

Jumlah

Kumpulan wang ini diwujudkan daripada pemberian-pemberian dari Kerajaan Persekutuan/Negeri bagi maksud penyelenggaraan longkang, kampung-kampung baru dan lain-lain.

**No. 724.**

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI  
PENYATA KEWANGAN MAJLIS BANDARAYA IPOH  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2001**

Kunci Kira-kira Majlis Bandaraya Ipoh seperti pada 31 Disember 2001, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun tersebut telah diperiksa oleh Tetuan KPMG, Akauntan Bertauliah, di bawah arahan saya. Pihak pengurusan Majlis Bandaraya Ipoh bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah untuk memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut berdasarkan kepada pengauditan yang dijalankan.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan Seksyen 60 Akta Kerajaan Tempatan, 1976 berpandukan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Piawaian-piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Bandaraya Ipoh adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod-rekod secara semak uji, menyemak bukti-bukti yang menyokong angka-angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian Penyata Kewangan secara keseluruhan.

3. Kecuali apa yang dinyatakan oleh saya di perenggan 2.1 hingga 2.3 dalam Laporan Ketua Audit Negara, pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Bandaraya Ipoh pada 31 Disember 2001, hasil operasi serta aliran tunainya untuk tahun tersebut.

Putrajaya,

Bertarikh 3 Disember 2002.

t.t.

(DATUK DR. HADENAN BIN ABDUL JALIL)

Ketua Audit Negara,  
Malaysia.

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS BANDARAYA IPOH  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2001**

Laporan Ketua Audit Negara ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Sijil Ketua Audit Negara bagi menyokong pendapat Audit terhadap Penyata Kewangan tersebut.

2. Pemerhatian Audit terhadap Penyata Kewangan adalah seperti berikut:

2.1 Penilaian Semula Harta Tetap

Seperti yang dinyatakan di nota 2.2.1 kepada Penyata Kewangan, penilaian semula bagi tanah dan bangunan Majlis dibuat setiap 5 tahun. Penilaian terakhir dibuat pada tahun 2001 iaitu selepas 8 tahun daripada penilaian sebelumnya. Berikutan daripada penilaian semula tersebut, pihak Majlis telah merekodkan lebihan penilaian semula bersih sejumlah RM20.30 juta ke dalam rizab modal. Pihak Majlis tidak mematuhi Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) Bil. 15, yang menghendaki nilai bawaan harta yang berkurang hasil daripada penilaian semula perlu diiktiraf sebagai perbelanjaan. Oleh itu, kesan kewangan penilaian semula harta tersebut ke atas rizab modal dan penyata pendapatan tidak dapat ditentukan.

2.2 Pengiktirafan Pendapatan Projek Desa Pengkalan Maya

Majlis telah menerima deposit sejumlah RM2 juta daripada sebuah syarikat yang akan membangunkan skim perumahan Projek Desa Pengkalan Maya. Pihak Majlis telah mengambil kira deposit tersebut sebagai hasil Majlis pada tahun kewangan semasa. Deposit ini tidak sepatutnya diiktiraf sebagai hasil kerana jumlah pendapatan yang bakal diterima oleh pihak Majlis daripada projek tersebut tidak dapat diukur dengan munasabah pada tarikh Kunci Kira-kira. Sebaliknya, jumlah tersebut perlu dinyatakan sebagai tanggungan semasa sebagai deposit diterima. Dengan itu, hasil Majlis telah terlebih nyata dengan sejumlah RM2 juta manakala tanggungan semasa telah terkurang nyata dengan jumlah yang sama.

2.3 Peruntukan Hutang Ragu

Sebagaimana yang dinyatakan di nota 2.1 kepada Penyata Kewangan peruntukan hutang ragu dikenakan ke atas hutang yang melebihi 6 tahun. Bagaimanapun, adalah didapati sejumlah RM854,905 per hutang yang telah tertunggak melebihi 6 tahun tidak diambil kira. Selain daripada itu, sejumlah RM7.20 juta adalah terima bayaran balik (*trenching*) yang terhutang berikutan kerja pembinaan jalan yang telah dilaksanakan oleh Majlis tetapi tidak diambil kira ke dalam peruntukan hutang ragu disebabkan Majlis berpendapat jumlah ini dapat diperolehi. Tunggakan ini masih lagi belum selesai.

3. Selain daripada mengesahkan Penyata Kewangan tersebut, semakan Audit juga dibuat terhadap prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti Majlis Bandaraya Ipoh. Hasil semakan itu dinyatakan pada perenggan berikut:

### 3.1 Prestasi Kewangan

Pada tahun 2001, Majlis meramalkan belanjawan yang positif berdasarkan anggaran pendapatan sejumlah RM92 juta dan perbelanjaan termasuk perbelanjaan pembangunan sejumlah RM88.71 juta. Bagaimanapun, Majlis mengakhiri tahun kewangan dengan mencatatkan kurangan sejumlah RM2.38 juta berdasarkan pendapatan berjumlah RM91.87 juta dan perbelanjaan berjumlah RM94.25 juta. Secara keseluruhan prestasi kewangan Majlis bagi tahun 2001 berkurang sejumlah RM1.31 juta berbanding dengan tahun 2000, iaitu daripada kurangan sejumlah RM1.07 juta menjadi kurangan sejumlah RM2.38 juta. Ini terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan mengurus Majlis meningkat sejumlah RM4.55 juta, daripada sejumlah RM69.99 juta pada tahun 2000 menjadi RM74.54 juta pada tahun 2001.

### 3.2 Sistem Perakaunan Bersepadu Berkomputer Pihak Berkuasa Tempatan

Sistem Perakaunan Bersepadu Berkomputer Pihak Berkuasa Tempatan dilaksanakan di Majlis pada tahun 1994 dengan kos berjumlah RM2.35 juta. Sistem tersebut mengandungi 12 modul dan sepatutnya beroperasi sepenuhnya pada tahun 1995. Sehingga kini semua modul telah siap dan digunakan kecuali modul harta tetap dan pengurusan wang tunai yang masih di peringkat ujian dan pembetulan. Bagaimanapun, Penyata Kewangan Majlis masih disediakan secara manual. Pihak Majlis wajar menyelidik perkara ini dan meneliti perkembangannya secara terperinci kerana sistem yang dibangunkan seharusnya dapat mewujudkan satu sistem perakaunan dan laporan yang sempurna.

### 3.3 Baki Pinjaman Kerajaan Persekutuan

Baki pinjaman Kerajaan Persekutuan sejumlah RM11.9 juta adalah termasuk pinjaman sejumlah RM11.0 juta yang diterima bagi Projek Saluran Najis Bandar dan Pembentungan. Projek ini telah diswastakan dan diambil alih oleh Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) pada tahun 1994. Bagaimanapun, pinjaman ini masih ditunjukkan sebagai tanggungan Majlis. Majlis perlu menyusul perkara ini bagi memberi gambaran sebenar pinjaman berkenaan.

**3.4 Si berhutang Kumpulan Promista Sendirian Berhad**

Kumpulan Promista Sendirian Berhad (KPSB) adalah salah satu daripada penghutang Majlis yang wujud akibat daripada penjualan terus Projek Perindustrian Pengkalan kepada KPSB. Walaupun satu perjanjian baru telah ditandatangani antara Majlis dan KPSB pada akhir bulan November 1997, KPSB tidak disenaraikan sebagai penghutang Majlis. Oleh yang demikian, pengawalan terhadap KPSB adalah tidak efektif di mana kewujudan dan penerimaan daripada KPSB mungkin tidak diketahui dan dikawal dengan sempurna. Tanggungan KPSB kepada Majlis pada 31 Disember 2001 adalah sejumlah M2.84 juta.

4. Langkah-langkah pembetulan yang sewajarnya hendaklah diambil oleh pihak pengurusan Majlis Bandaraya Ipoh untuk meningkatkan lagi akauntabiliti awam.

Putrajaya,

Bertarikh 3 Disember 2002.

t.t.

(DATUK DR. HADENAN BIN ABDUL JALIL)

Ketua Audit Negara,

Malaysia.

**PENYATAAN OLEH DATUK BANDAR IPOH  
DAN AHLI MAJLIS**

Kami Dato' Haji Talaat bin Haji Husain dan YDH Tuan Haji Abdul Talib bin Abdul Talib bin Abdul Fahmi yang merupakan Datuk Bandar Ipoh dan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Ipoh, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, kunci kira-kira, penyata pendapatan dan perbelanjaan dan penyata aliran tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta nota-nota adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang sebenar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Bandaraya Ipoh pada 31 Disember 2001 dan hasil operasinya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Majlis,

Bagi pihak Majlis;

t.t.

t.t.

DATO' HJ TALAAT BIN HAJI HUSAIN  
Datuk Bandar  
Ipoh

YDH TUAN HAJI ABDUL TALIB  
BIN ABDUL FAHMI  
Ahli Majlis,

Bertarikh 26 Julai 2002

Bertarikh 26 Julai 2002

## AKUAN BERKANUN

Saya, Saidatul Akma Bt Jamaludin, Pengarah Kewangan Bandaraya Ipoh adalah pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Bandaraya Ipoh dengan ikhlasnya mengaku bahawa kunci kira-kira, penyata pendapatan dan perbelanjaan dan penyata aliran tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta nota-nota mengikut sebaik-baiknya pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan mengikut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya  
diakui oleh penama di atas  
di Ipoh, Perak Darul Ridzuan  
pada 26 Julai 2002

t.t

Di hadapan saya,

t.t

(PESURUHJAYA SUMPAH)

## KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER, 2001

HARTA	Nota	2001	2000
Harta Tetap:			
Tanah dan Bangunan	5	115,666,557.94	99,153,509.99
Kenderaan dan Loji		3,260,416.52	2,727,420.56
Perabot dan Kelengkapan		3,459,674.50	4,923,494.23
		122,386,648.96	106,804,424.78
Kerja Dalam Pelaksanaan	6	3,208,437.40	2,253,509.00
		3,208,437.40	2,253,509.00
		125,595,086.36	109,057,933.78

## KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER, 2001—(Samb.)

		2001	2000
Harta Semasa:	Nota	RM	RM
Tanah (Tasek)		10.00	10.00
Pelaburan: Simpanan Tetap		29,500,000.00	31,000,000.00
Pelaburan Jangka Pendek		3,000,000.00	0.00
Rumah Belum Dijual – Taman Perpaduan	7	25,000.00	50,000.00
 Penghutang	 8	 34,879,514.26	 32,291,034.07
Peruntukan Hutang Ragu		(2,581,041.47)	(1,324,062.68)
 Pendahuluan kepada Anggota:			
